

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : YB TENGKU ZULPURI BIN RAJA PUJI
[RAUB]**

TARIKH : 16 NOVEMBER 2020 (ISNIN)

SOALAN

TENGKU ZULPURI BIN RAJA PUJI [RAUB] minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA** menyatakan perancangan untuk mengaktif serta mengembangkan perkhidmatan jalur lebar di kawasan desa dan luar bandar sangat penting khususnya dalam bidang pendidikan "online" dalam keadaan perintah kawalan pergerakan atau dalam keadaan darurat:-

- a) berapa menara komunikasi jalur lebar yang telah dipasang di Parlimen Raub, nyatakan lokasi, kekuatan gelombang yang sedia ada dan rancangan penambahan menara Jalur Lebar ini di masa hadapan, nyatakan lokasi baru yang di cadangkan ; dan
- b) amnya juga di kawasan luar bandar seperti di Sabah dan Sarawak.

JAWAPAN**Tuan Yang di-Pertua,**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian melalui Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) sentiasa berusaha dalam melaksanakan pelbagai inisiatif bagi meningkatkan liputan dan kualiti perkhidmatan jalur lebar di seluruh negara. Sejalan dengan inisiatif yang dilaksanakan, pembelajaran digital seterusnya dapat diperkasa dengan penaiktarafan kualiti perkhidmatan jalur lebar khususnya di kawasan bandar dan luar bandar.

Di Parlimen Raub, sehingga September 2020, sebanyak 29 menara komunikasi bagi penyediaan jalur lebar mudah alih telah siap beroperasi. Manakala, terdapat dua (2) menara komunikasi baharu yang masih dalam peringkat pelaksanaan bagi penyediaan perkhidmatan jalur lebar mudah alih 4G yang dijangka siap secara berperingkat bermula pada suku pertama tahun 2021.

Senarai lokasi menara komunikasi yang telah siap dan sedang dalam pelaksanaan di Parlimen Raub adalah seperti dalam jadual di bawah:

Bil	Kawasan	Nama Lokasi	Status
1	Batu Talam	Felda Tersang	Beroperasi
2	Batu Talam	Sempam Baru	Beroperasi
3	Dong	Kg Baru Sg Chalit	Beroperasi
4	Batu Talam	Kg Kela	Beroperasi
5	Dong	Kg. Jelu	Beroperasi
6	Tras	Kg Sg Chetang	Beroperasi
7	Batu Talam	Kg Serdang, Raub	Beroperasi
8	Batu Talam	Kg Temalir	Beroperasi
9	Tras	Bkt Fraser 2	Beroperasi
10	Batu Talam	Kg Batu Talam	Beroperasi
11	Dong	Kg Bukit Pampong	Beroperasi

Bil	Kawasan	Nama Lokasi	Status
12	Batu Talam	Kg Hulu Sungai	Beroperasi
13	Batu Talam	Pos Satak	Beroperasi
14	Dong	Kg Pamah Rawas	Beroperasi
15	Dong	Jln Lembah Klau-Bilut	Beroperasi
16	Tras	Kg Orang Asli Batu Balung	Beroperasi
17	Dong	Kg Orang Asli Ulu Yol	Beroperasi
18	Batu Talam	Kg Jenud	Beroperasi
19	Dong	Kg Temau	Beroperasi
20	Batu Talam	Kg Sengkela	Beroperasi
21	Batu Talam	Air Terjun Chamang	Beroperasi
22	Batu Talam	Kg Sungai Gapoi	Beroperasi
23	Dong	Tanah Aina (Kg Ajai)	Beroperasi
24	Batu Talam	Kampung Tanjung Aur	Beroperasi
25	Tras	Kampung Tok Machang (Jalan Lembah Klau - Sg Klau)	Beroperasi
26	Tras	Parit Stan	Beroperasi
27	Tras	Bukit Fraser	Beroperasi
28	Tras	Fraser Town	Beroperasi
29	Tras	Taman Pasdec	Beroperasi
30	Batu Talam	Taman Dato Tg Paris	Dalam Pelaksanaan
31	Batu Talam	Ulu Atok	Dalam Pelaksanaan

Selain itu, di bawah inisiatif pelan Jalinan Digital Negara (JENDELA), sebanyak 19 menara baharu telah dirancang dengan perkhidmatan 4G di sekitar kawasan Parlimen Raub. Ia dijangka akan siap secara berperingkat sehingga tahun 2022 dan perancangan lokasinya adalah seperti berikut:

Bil	Kawasan	Nama Lokasi
1	Tras	Air Terjun Jeriau, Bukit Fraser
2	Batu Talam	Kg Ulu Sungai
3	Batu Talam	Pos Satak
4	Batu Talam	Lata Lembik
5	Dong	Jalan Hulu Dong
6	Tras	Ulu Gali
7	Dong	Kg Tanjung Putus
8	Batu Talam	Kg Keledok
9	Dong	Kg Hulu Temau
10	Batu Talam	Kg Sia Hulu Sungai
11	Batu Talam	Kg Sungai Gaharu
12	Dong	Felda Krau 1
13	Dong	Sungai Ruan
14	Batu Talam	Kg. Ulu Arang
15	Batu Talam	Kg. Sejuk
16	Batu Talam	Kg. Orang Asli Semalin
17	Tras	Taman Amalina Perdana
18	Dong	Kg. Pintu Padang
19	Tras	Sang Lee Village

Bagi perkhidmatan komunikasi di negeri Sabah dan Sarawak, terdapat inisiatif di bawah pelan JENDELA di mana untuk negeri Sabah, terdapat penambahan sebanyak 425 menara baharu yang akan dibina dan penaiktarafan sebanyak 2,202 alat pemancar komunikasi di menara sedia ada dengan perkhidmatan 4G akan dilaksana.

Manakala, bagi negeri Sarawak pula, terdapat penambahan sebanyak 692 menara baharu dan penaiktarafan sebanyak 2,041 alat

pemancar komunikasi di menara sedia ada dengan perkhidmatan 4G yang akan dilaksanakan.

Selain dari itu, pembelajaran digital juga diadakan di Pusat Internet Komuniti (PIK) seperti *eKelas* dan *Jom Studi*. Menerusi program pembelajaran digital seperti ini, para pelajar yang terutamanya berada di kawasan luar bandar dan kurang mendapat liputan, mampu mendapat akses kepada kandungan pendidikan berkualiti yang selaras dengan sukatan pelajaran Malaysia di PIK.

Walaupun bagaimanapun, segala inisiatif pembangunan infrastruktur digital ini memerlukan kerjasama dari semua pihak, terutamanya di peringkat Kerajaan Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) untuk memudahkan proses dan kelulusan bagi projek-projek yang telah dirancang dan yang akan dilaksanakan.